

Laporan Pertandingan Inovasi PdP 2015 Peringkat IPG Kampus Batu Lintang

Laporan Pertandingan Inovasi PdP 2015 Peringkat IPG Kampus Batu Lintang

Oleh Mohd Richard Neles Abdullah



Dr.Clarence Jerry (Ketua Hakim) sedang memberi komen hasil penghakiman inovasi

KUCHING: Seramai 25 orang Pelajar Guru dan lima orang pensyarah Kampus Batu Lintang telah menyertai pertandingan Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (pdP) pada 13 Mei 2015. Pertandingan ini telah berlangsung di Foyer Blok Pentadbiran Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang (IPG KBL). Ketua hakim untuk pertandingan ini adalah pensyarah daripada Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGK TAR) iaitu Dr. Clarence Jerry. Pertandingan ini berlangsung dalam dua sesi iaitu sesi pagi dan sesi petang. Objektif utama program tersebut adalah untuk memupuk budaya inovasi dalam kalangan pensyarah dan pelajar guru IPG KBL. Selain itu, pertandingan peringkat IPG KBL ini merupakan platform bagi memilih wakil warga IPG KBL untuk bertanding di peringkat kebangsaan. Tema pertandingan inovasi pdP pada tahun ini adalah “Inovasi pdP peneraju kecemerlangan pendidikan.”



Sesi menghakimi booth para penginovasi (atas), booth Pelajar Guru; penyampaian hadiah dan sijil (kanan)



Laporan Pertandingan Inovasi PdP 2015 Peringkat IPG Kampus Batu Lintang

Dalam ucapan aluan oleh Ketua Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan (PIPK), Dr. Abang Ismail mengucapkan terima kasih kepada para hakim dalam kalangan pensyarah IPG KTAR, yang terdiri daripada pensyarah Jabatan PIPK. Beliau turut berkata, “penyertaan dalam kalangan guru pelatih yang menggalakkan begitu menyerlah pada tahun ini. Khasnya dalam kalangan mereka yang mengambil kursus elektif Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) selain daripada kursus elektif moral, elektif sains dan TESL. Pertandingan di peringkat IPG KBL ini adalah selari dengan dasar penilaian kebolehan berfikir aras tinggi (kbat) yang diutamakan dalam sistem pendidikan terkini.” “Dalam melaksanakan sesuatu inovasi, mahu tidak mahu pensyarah dan guru pelatih perlu berfikir secara kritis dan kreatif selari dengan kehendak inovasi itu sendiri,” tambahnya.

Dr. Clarence Jerry, ketua hakim untuk pertandingan Inovasi pada hari tersebut turut menyatakan komen beliau mengenai penglibatan dalam pertandingan ini sangat memuaskan dan penambahbaikan adalah jelas dalam inovasi. Jelasnya lagi, “Secara keseluruhannya, beliau menyatakan yang inovasi peserta ada potensi untuk dikembangkan ke peringkat lebih tinggi.”

Majlis perasmian untuk pertandingan Inovasi PdP telah berlangsung di bilik seminar IPG KBL dan diikuti oleh pertandingan Inovasi PdP dijalankan di foyer blok pentadbiran. Pertandingan Inovasi diteruskan seperti biasa pada sebelah petang. Majlis penangguhan rasmi Pertandingan Inovasi dilakukan pada pukul 3.00 petang disempurnakan oleh Ketua Jabatan PIPK, Dr. Abang Ismail Abang Julhi.

Pemenang bagi kategori Pensyarah ialah Encik Ambikapathi A/L Shanmugan, kedua Encik Yahya Sidek bersama Dr. Hasnalee Tubah dan tempat ketiga Encik Mohd Richard. Bagi kategori Pelajar Guru pula, pemenang tempat pertama adalah ‘Pop-out machine’ oleh Bong Chye Sia bersama Liu Kit Onn. Tempat kedua, ‘batang kayu aiskrim’ oleh Tie Mee Poh bersama Lu Chiew Bing dan tempat ketiga ‘Drum Hopping’ oleh Joice Kong Seng Ngie bersama Joanna Tang.

Melalui aktiviti pertandingan ini, pensyarah dan pelajar telah dapat memupuk budaya inovasi dalam diri masing-masing dan dapat berfikir secara kreatif dan kritis. Selain itu, pensyarah dan guru pelatih dapat berinteraksi dan membina hubungan rapat sesama sendiri serta berkongsi ilmu inovasi. Melalui pertandingan ini, para pensyarah serta guru pelatih dapat melengkapkan diri mereka untuk menjadi pendidik yang lebih profesional dalam melaksanakan inovasi pdp ketika telah berkhidmat nanti.

Laporan Pertandingan Inovasi PdP 2015 Peringkat IPG Kampus Batu Lintang

Gambar-gambar disepanjang aktiviti Pertandingan Innovasi PdP Peringkat IPGK Batu Lintang



Dr. Abang Ismail (Ketua Jabatan PIPK IPGKBL) memberi kata aluan

Hakim melawat booth guru pelatih



Mantan Penyelaras inovasi IPGK BL
Dr. Siti Zaliha Reduan (dua dari kiri)

Antara inovasi Pelajar Guru